

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Siapakah pemimpin British yang mencadangkan pembentukan Malaysia?

Unit 1, m.s. 5 ARAS: R

- A Lord Brassey
- B Humphrey Gilbert
- C Sir John Hawkins
- D Harun Aminurrashid

2. Apakah faktor pembentukan Malaysia?

Unit 1, m.s. 6-7 ARAS: S

- I Mempercepat kemerdekaan
 - II Membangunkan sosioekonomi
 - III Mengeratkan hubungan dengan negara luar
 - IV Menjamin kelangsungan kewangan negara
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Satu suruhanjaya telah dibentuk untuk mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia. Apakah suruhanjaya tersebut?

Unit 1, m.s. 8 ARAS: R

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Khas
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Suruhanjaya Pelantikan

4. Pada tahun 1963 hingga 1966, Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia.

Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

Unit 1, m.s. 16 ARAS: S

- A Indonesia tidak mahu bekerjasama dengan Filipina
- B Pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya
- C Konfrontasi daripada rakyat Indonesia terhadap kerajaannya
- D Penolakan rancangan pembentukan yang melibatkan Sarawak

5. Berikut merupakan nama bagi sebuah negeri.

Unit 2, m.s. 22 ARAS: R

Pulo Ka Satu

Apakah negeri di Malaysia yang mempunyai nama asal seperti di atas?

- A Sarawak
- B Terengganu
- C Pulau Pinang
- D Negeri Sembilan

6. Apakah gelaran yang digunakan oleh ketua negeri bagi negeri Pulau Pinang?

Unit 2, m.s. 26 ARAS: R

- A Raja
- B Sultan
- C Yang di-Pertuan Besar
- D Yang di-Pertua Negeri

7. Setiap negeri mempunyai lagu negeri masing-masing.

Apakah lagu bagi negeri Kedah?

Unit 2, m.s. 29 ARAS: S

- A Sultan
- B Selamat Sultan
- C Allah Selamatkan Sultan Kami
- D Allah Selamatkan Sultan Mahkota

8. Bilakah Rukun Negara diisytiharkan?

Unit 3, m.s. 36 ARAS: R

- A 31 Ogos 1957
- B 31 Ogos 1960
- C 31 Ogos 1970
- D 31 Ogos 1975

9. Berikut merupakan prinsip Rukun Negara.

Unit 3, m.s. 38 ARAS: R

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Prinsip di atas merupakan prinsip yang ke berapa?

- A 2 C 4
- B 3 D 5